sifu2b.wordpress.com

# PRE-EXAM SERIES

## PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

*SIRI INI AKAN MENGANDUNGI SEJUMLAH MODUL SOALAN LATIH TUBI DAN ULANG KAJI BERBENTUK STRUKTUR. KESEMUA MODUL AKAN DIMUATNAIK SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT. CADANGAN JAWAPAN DAN SKEMA PEMARKAHAN JUGA DISEDIAKAN JIKA DIANGGAP PERLU.*

# [MODUL 5]

## SOALAN RAMALAN SPM

## SET 2/2007

12 JULAI, 2007, AHAD

SATU LAGI USAHA MEMBANTU PELAJAR MERANCANG PERSEDIAAN MENGHADAPI

**PEPERIKSAAN DALAMAN DAN SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA 2007**

**Ringkasan tentang saya:**
Blogger/author : Rithuwan Bin Nasir
Nick : **sifu2b**
Komen : blog saya tertumpu kepada isu-isu dan perkongsian idea dan informasi berkaitan mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM dan pandangan peribadi.

**Notes for my fellow friends/teachers/students (if you use this file):**
Please do not remove/delete my name as the contributor and my URI/URL on all pages that you've printed out. Thank you. Share among your friends or among your students if you wish. This online service is free of charge, provided you honor my rights. I'm glad to help all of you. Why? For the love of the profession.

**AUTHOR'S RIGHTS:**
ADALAH DIPERAKUKAN BAHAWA *SEMUA SOALAN DAN JAWAPAN DALAM SIRI INI ADALAH TULISAN ASAL PENULIS/ PEMILIK. SEMUA TERBITAN DALAM SIRI INI ADALAH HAK CIPTA (c) RITHUWAN NASIR, 2004-2007. HANYA SAYA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMUTUSKAN PENERBITAN SEMULA DALAM BENTUK MEDIA LAIN SEPERTI BUKU, CDROM DAN LAIN-LAIN MEDIA EDARAN, APABILA DIFIKIRKAN PERLU.*
*NAMUN BEGITU,* ***PENGGUNAAN ONLINE MELALUI BLOG INI ADALAH PERCUMA.***

# PRINSIP PERAKAUNAN
## Pembelajaran Akses Kendiri

## MODUL SOALAN RAMALAN 2007
## SET 2/2007 (asalnya SET 1/2004)

**Soalan dibina oleh Rithuwan Bin Nasir, 30hb. Oktober, 2004,
edisi kemas kini 22hb. Julai, 2007**

sifu2b.wordpress.com

MAKLUMAN:

*Soalan ini sebenarnya set ramalan pertama saya pada tahun 2004 sebagai bahan rangsangan alternatif pelajar-pelajar di bawah bimbingan saya ketika itu. Soalan ini disediakan khas untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar saya. Walau bagaimanapun, hanya kertas 2 disediakan di dalam set ini. Skema jawapan lengkap (penandaan markah mirip SPM) telah disediakan, tetapi tidak akan disertakan di dalam edisi ini untuk membolehkan pelajar-pelajar pelawat blog ini menguji dahulu soalan ini dalam tempoh beberapa minggu mendatang. Apabila difikirkan sesuai, skema jawapan akan diedarkan melalui blog ini juga oleh Sifu2b.*

SELAMAT MENCUBA

*Perhatian :*
*Terhad untuk kegunaan Pelajar-pelajar Prinsip Perakaunan SPM sahaja. dan pelawat-pelawat sifu2b.wordpress.com*

HAK CIPTA RITHUWAN NASIR, OKT. 2004, EDISI KEMAS KINI JULAI 2007

# KERTAS 2

Masa : *2 jam 30 minit*

*Kekemasan dan kecekapan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*

## Bahagian A (68 markah)

*Jawab* ***semua*** *soalan.*

1. Puan Dayang Kurdina ialah pemilik Perniagaan Kurdina yang membekalkan buku-buku rujukan dan buku-buku bacaan umum serta alat tulis di bandar Kota Kinabalu.

Berikut ialah baki-baki yang diambil dari buku perniagaannya pada 1 Januari 2007:

| | RM |
|---|---|
| Tunai Di Tangan | 4 500 |
| Overdraf bank | 1 000 |
| Stok | 10 500 |
| Penghutang - Kedai Buku Arisanti | 3 400 |
| Pemiutang - Syarikat Eksport & Import Kinabalu | 2 550 |
| Modal | 14 850 |

Sepanjang bulan Januari 2007, urus niaga perniagaannya ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

**Anda dikehendaki:**

(a) menyediakan buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diperlukan). [10 *markah*]

(b) memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar. [9 ½ *markah*]

(c) menyediakan Imbangan Duga pada 31 Januari 2007. [7 *markah*]

sifu2b.wordpress.com

2. Berikut ialah Imbangan Duga Kedai Runcit Azahari, sebuah perniagaan milikan tunggal pada 31 Mac 2007.

| | **Debit RM** | **Kredit RM** |
|---|---|---|
| Kenderaan (Kos) | 45 000 | |
| Stok pada 1 April 2006 | 6 350 | |
| Modal pada 1 April 2006 | | 40 000 |
| Penghutang dan Pemiutang | 5 500 | 5 800 |
| Belian dan Jualan | 15 100 | 46 600 |
| Ambilan | 800 | |
| Pulangan | 320 | |
| Angkutan keluar | 560 | |
| Tunai | 960 | |
| Bank | 5 430 | |
| Peruntukan susut nilai Kenderaan | | 4 500 |
| Peruntukan hutang ragu | | 280 |
| Komisen diterima | | 1 600 |
| Sewa Kedai | 12 000 | |
| Gaji | 4 800 | |
| Duti import | 1 200 | |
| Kadar bayaran | 760 | |

**Maklumat tambahan:**

(i) Stok pada 31 Mac 2007 bernilai RM5 650 pada harga kos dan RM7 500 pada harga pasaran.

(ii) Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun dengan kaedah baki berkurangan

(iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas baki penghutang

(iv) En. Azahari turut mengambil barang niaga pada kos RM1 200 untuk kegunaan keluarganya. Perkara tersebut belum lagi dicatat dalam mana-mana buku.

(v) Kadar sewa kedai ialah RM1 200 sebulan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2007. [9 *markah*]

(b) Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2007 (dalam bentuk penyata dengan menunjukkan modal kerja). [8 *markah*]

sifu2b.wordpress.com

3. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perniagaan Perkongsian R&Z pada 31 Disember 2007.

| | RM | |
|---|---|---|
| Modal pada 1 Januari 2007 | | |
| Rizal | 30 000 | |
| Zaki | 20 000 | |
| Akaun Semasa pada 1 Januari 2007 | | |
| Rizal | 590 | (Dt.) |
| Zaki | 2 500 | |
| Ambilan: | | |
| Rizal | 1 400 | |
| Zaki | 2 100 | |
| Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 | 15 560 | |
| Tunai di bank | 4 335 | |
| Penghutang | 6 500 | |
| Pemiutang | 4 976 | |

Ikatan perjanjian perkongsian mereka menetapkan syarat-syarat berikut:

(i) Pekongsi akan menerima 5% faedah atas modal masing-masing.

(ii) Semua pekongsi menerima elaun tahunan pekongsi sebanyak RM1 000.

(iii) Pekongsi dikenakan 6% faedah atas ambilan masing-masing.

(iv) Rizal menerima gaji tahunan RM6 000 kerana menguruskan perniagaan perkongsian.

(v) Untung dan rugi akan dibahagikan mengikut nisbah modal yang disumbangkan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. [6 *markah*]

(b) Akaun Semasa Rizal dan Akaun Semasa Zaki. [6 ½ *markah*]

sifu2b.wordpress.com

4. Syarikat Tanjiri Sdn. Bhd. telah menerima penyata banknya bagi bulan Februari 2007. Berikut ialah buku tunai dan penyata banknya untuk bulan tersebut.

**Buku Tunai (ruangan bank sahaja)**

| Tarikh | Butir | RM | Tarikh | Butir | No. Cek | RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | | | 2007 | | | |
| Feb 3 | Anuar Zain | 560 | Feb 1 | Baki b/b | | 2 810 |
| 7 | Eizleen | 670 | 3 | Sarjana Bhd | 212233 | 2 320 |
| 11 | Rahmat | 350 | 7 | Belian | 212234 | 1 500 |
| 17 | Jualan | 8 500 | 12 | Siber Jaya Sdn Bhd | 212235 | 1 245 |
| 20 | Sewa kedai | 700 | 15 | Klinik Sharifah | 212236 | 500 |
| 22 | Marjin Niaga | 1 250 | 18 | Pembekal Indah Niaga | 212237 | 1 640 |
| | | | 20 | Kedai Rajusami | 212238 | 750 |
| | | | 28 | Baki h/b | | 1 265 |
| | | 12 030 | | | | 12 030 |
| Mac 1 | Baki b/b | 1 265 | | | | |

**PENYATA BANK**

| Tarikh | Urus niaga | No. Cek | Debit | Kredit | Baki |
|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | | | RM | RM | RM |
| Feb 1 | Baki b/b | | | | 2 300 Dt. |
| 2 | Deposit | | | 1 490 | 810 Dt. |
| 6 | Cek | 212232 | 850 | | 1 660 Dt. |
| 9 | Cek | 212233 | 2 320 | | 3 980 Dt. |
| 9 | Cek | 212230 | 1 150 | | 5 130 Dt. |
| 12 | Deposit | | | 560 | 4 570 Dt. |
| 13 | Cek | 212234 | 1 050 | | 5 620 Dt. |
| 14 | Deposit | | | 670 | 4 950 Dt. |
| 15 | Dividen - Syarikat Megauntung Bhd | | | 540 | 4 410 Dt. |
| 24 | Cek | 212237 | 1 640 | | 6 050 Dt. |
| 24 | Paksi Insurans - Perintah sedia ada | | 1 245 | | 7 295 Dt. |
| 25 | Deposit | | | 8 500 | 1 205 Kt. |
| 26 | Caj bank | | 25 | | 1 180 Kt. |
| 28 | Deposit | | | 1 250 | 2 430 Kt. |

situ2b.wordpress.com

**Anda dikehendaki:**

(a) mengemaskinikan Buku Tunai Syarikat Tanjiri Sdn. Bhd. [5 *markah*]

(b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 28 Februari, 2007. [7 *markah*]

**Bahagian B (12 markah)**

*Jawab* ***satu*** *soalan sahaja.*

5. Pada 1 Mei 2006, Syarikat Pasti Untung Berhad memulakan perniagaan dengan modal berdaftar sebanyak 9 000 000 syer biasa RM1 setiap satu dan 7 000 000 8% syer keutamaan RM2 setiap satu. Pada tarikh yang sama, syarikat itu telah menerbitkan 6 000 000 syer biasa dan 4 000 000 8% syer keutamaan kepada orang ramai pada nilai tara. Semua syer yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

   Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara berikut:

   i. Membayar dividen interim 5% atas syer biasa dan syer keutamaan pada 1 November 2006.

   ii. Mengisytiharkan dividen akhir 15% atas syer biasa pada 30 April 2007.

   iii. Mengisytiharkan dividen akhir ke atas syer keutamaan pada 30 April 2007.

   **Anda dikehendaki:**

   (a) menghitung:

   i. modal dibenarkan [1 markah]

   ii. modal diterbitkan [1 markah]

   iii. modal belum diterbitkan [1 markah]

   iv. dividen interim [2 markah]

   v. dividen akhir [2 markah]

   (b) Menerangkan dengan secara ringkas dua perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan. [2 markah]

   (c ) Jika anda memiliki 10 000 syer biasa dan 1 000 syer keutamaan, nyatakan jumlah dividen yang anda akan terima. [3 markah]

sifu2b.wordpress.com

6. Butir berikut diambil daripada Syarikat Terusmaju:

| | RM |
|---|---|
| Stok pada 1 Julai 2006 | 9 000 |
| Stok pada 30 Jun 2007 | 10 260 |
| Belian | 45 600 |
| Pulangan belian | 420 |
| Angkutan masuk | 300 |
| Duti import | 550 |
| Upah angkut barang | 250 |
| Untung kasar ialah 25% berdasarkan kos | |
| Untung bersih ialah 16% berdasarkan jualan | |

**Hitungkan:**

(a) Kos jualan [2 *markah*]

(b) Jualan [2 *markah*]

(c) Untung kasar [2 *markah*]

(d) kadar peralihan stok [2 *markah*]

(e) Untung bersih [2 *markah*]

(f) Belanja operasi bagi tahun kewangan 30 Jun 2007 [2 *markah*]

SOALAN TAMAT.

SELAMAT MENCUBA

situ2b.wordpress.com

LAMPIRAN A

# DOKUMEN PERNIAGAAN

sifu2b.wordpress.com

SALINAN

# INVOIS

No. 0202

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

**Kedai Buku Arisanti**
13-1, Blok A
Pusat Perniagaan Putatan
88200 Putatan, Sabah

No. Pesanan : 0012
Tarikh : 2 Januari 2007

| No. Rujukan | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| P02 | Pengurusan Kewangan Secara Bijak | 10 naskah | 60.00 | 600.00 |
| M03 | Bagaimana Menjadi Lebih Kaya | 10 naskah | 40.00 | 400.00 |
| | | | Jumlah Kasar | 1,000.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 10% | 100.00 |
| | | | **Jumlah Bersih** | 900.00 |

Ringgit Malaysia : Sembilan Ratus sahaja

Serahan : Angkutan dibayar
Syarat :
Diskaun Tunai 5% 10 hari
2% 30 hari

K. & K. di K.

D.Kurdina

Pengurus

Dokumen 1

sifu2b.wordpress.com

SALINAN

# BIL TUNAI

No. 0022

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

Kepada :
Kedai Buku Mahmudin

Tarikh : 4 Januari 2007

| **Bil.** | **Butir** | **Kuantiti (unit)** | **Harga Seunit (RM)** | **Jumlah (RM)** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Perakaunan Kewangan STPM | 5 naskah | 47.00 | 235.00 |
| 2 | Perakaunan Kos & Pengurusan STPM | 5 naskah | 45.00 | 225.00 |
| 3 | Pengantar Perakaunan untuk Jurubank | 2 naskah | 20.00 | 40.00 |
| | | | **Jumlah Besar** | 500.00 |

Ringgit Malaysia : Lima Ratus sahaja

Tunai / ~~No. Cek :~~

D.Kurdina
Pengurus

Dokumen 2

ASAL

# RESIT RASMI

**No. 0054**

## Syarikat Eksport & Import Kinabalu

No. 1234, Jalan Rahman
Pusat Perdagangan Kolombong
88822 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-754321 Faks : 088-754332
E-mel : syktkinabalu88323@tm.net.my

Tarikh : 6 Januari 2007

Diterima daripada : Perniagaan Kurdina
Ringgit Malaysia : Dua Ribu sahaja
Untuk bayaran : Untuk menjelaskan sebahagian invois No. 1233 (5 Disember 2006)

RM2,000.00

~~Tunai~~ / No. Cek : BGB23433

Abd.Razak
Pengurus

Dokumen 3

sifu2b.wordpress.com

ASAL

# INVOIS

No. 1233

## Jusnita Edumart Sdn Bhd

No. 433, Jalan Bakti 2
Taman Perindustrian Utama
88838 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-755456 Faks : 088-755234
E-mel : jusnitaedumart@sabah.biz.my

**Perniagaan Kurdina**
Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah

No. Pesanan : 0182
Tarikh : 6 Januari 2007

| No. Rujukan | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| F221 | Financial Information System | 9 buah | 140.00 | 1,260.00 |
| L03 | Undang-undang Cukai Malaysia (Edisi 5) | 5 buah | 72.00 | 360.00 |
| G033 | Pengenalan kepada Sistem Operasi Linux | 4 buah | 95.00 | 380.00 |
| | | | Jumlah Kasar | 2,000.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 400.00 |
| | | | **Jumlah Bersih** | 1,600.00 |

Ringgit Malaysia : Satu Ribu Enam Ratus sahaja

Serahan : Angkutan dibayar
Syarat :
Diskaun Tunai 5% 10 hari
2% 30 hari

K. & K. di K.

Jusnita Daud
Pengurus

Dokumen 4

# MEMO

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah

Tarikh : 9 Januari 2007

**Peringatan:**
Pemilik telah membawa masuk kerusi dan meja bernilai RM1 000.00 untuk kegunaan pejabat.

D.Kurdina
Pengurus

Dokumen 5

sifu2b.wordpress.com

SALINAN

# INVOIS

No. 0203

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

**Zaki Arkitek Dan Rakan-Rakan**
No. 15, Tingkat 6, Blok D
Kompleks Karamunsing
88500 Kota Kinabalu

No. Pesanan : 12/02
Tarikh : 11 Januari 2007

| **No. Rujukan** | **Butir** | **Kuantiti** | **Harga Seunit (RM)** | **Jumlah (RM)** |
|---|---|---|---|---|
| P033 | Teknologi Bahan Binaan Terkini | 4 naskah | 70.00 | 280.00 |
| P050 | Nilai Estetika Rekaan Bangunan Malaysia | 4 naskah | 105.00 | 420.00 |
| | | | Jumlah Kasar | 700.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 10% | 70.00 |
| | | | **Jumlah Bersih** | 630.00 |

Ringgit Malaysia : Enam ratus tiga puluh sahaja

Serahan : Angkutan dibayar
Syarat :
Diskaun Tunai 5% 10 hari
2% 30 hari

K. & K. di K.

D.Kurdina
Pengurus

Dokumen 6

siti2b.wordpress.com

SALINAN **RESIT RASMI** **No. 0031**

**Perniagaan Kurdina**
Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

Tarikh : 12 Januari 2007

Diterima daripada : Kedai Buku Arisanti
Ringgit Malaysia : Tiga Ribu sahaja
Untuk bayaran : Untuk menjelaskan sebahagian Invois No. 1270 (1 Disember 2001)

RM3,000.00

~~Tunai~~ / No. Cek : MBB01214

D.Kurdina
Pengurus

Dokumen 7

**Tarikh:** 15 Januari 2007
**Penerima:** Dg. Kurdina Ag. Yakub
**Tujuan:** Mengeluarkan wang untuk kegunaan sendiri

| | RINGGIT | SEN |
|---|---|---|
| **Baki Akhir** | 0 | 00 |
| **Dimasukkan** | -- | -- |
| **Jumlah** | 0 | 00 |
| **Cek ini** | 100 | 00 |
| **Baki** | - 100 | 00 |

No. 23434

Dokumen 8

sifu2b.wordpress.com

SALINAN

# NOTA KREDIT

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

Zaki Arkitek Dan Rakan-Rakan
No. 15, Tingkat 6, Blok D
Kompleks Karamunsing
88500 Kota Kinabalu

No. Nota Kredit : 01/02
Tarikh : 19 Januari 2007

Akaun tuan **dikreditkan** dengan butir-butir berikut :

| Butir | Jumlah |
|---|---|
| Satu naskah buku sepertimana dalam Invois No. 0203 bertarikh 11 Januari 2007 yang berharga RM70.00 senaskah telah dikembalikan kerana didapati telah koyak. | RM 70.00 |
| *Tolak :* Diskaun Niaga 10% | RM 7.00 |
| | RM 63.00 |

Ringgit Malaysia : Enam Puluh Tiga sahaja

D.Kurdina
Pengurus

Dokumen 9

ASAL

# BIL TUNAI

No. 1213

## Pengedar Buku Sarjana

198, Jalan 219,
Pusat Perniagaan Inanam Tengah
88300 Inanam, Sabah
Tel : 088-765955 Faks : 03-765509
E-mel : bukusarjana@biz.jaring.my

Kepada :
Perniagaan Kurdina

Tarikh : 25 Januari 2007

| Bil. | Butir | Kuantiti (unit) | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Teknik Menjawab STPM - Perakaunan Kertas 1 | 12 buah | 17.00 | 204.00 |
| 2 | Teknik Menjawab STPM - Perakaunan Kertas 2 | 12 buah | 18.00 | 216.00 |
| 3 | Teknik Menjawab SPM - Prinsip Perakaunan | 14 buah | 20.00 | 280.00 |
| | | | **Jumlah Besar** | 700.00 |

Ringgit Malaysia : Tujuh Ratus sahaja

Tunai / ~~No. Cek :~~

Rahiman
Pengurus

Dokumen 10

ASAL

# BAUCAR

No. 01/02

## Perniagaan Kurdina

Lot. 41, Jalan Melati
Kompleks Perniagaan Telagamas
88222 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-753212 Faks : 088-754212
E-mel : perniagaankurdina@tm.net.my

Kepada :
Encik Azman Bin Mohd Ali

Tarikh : 31 Januari 2007

| Bil. | Keterangan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Pembayaran gaji bagi bulan Januari 2007.<br>No. Cek : 23435 | RM 700.00 |
| | **JUMLAH** | RM 700.00 |

Ringgit Malaysia : Tujuh Ratus sahaja

D.Kurdina
Diluluskan oleh

azman
Tandatangan Penerima

Dokumen 11

TAMAT

sifu2b.wordpress.com